



Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (anak kelahiran Melaka) yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun hingga 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi jawatan berikut:-

### JURUTERA GRED J9

1. **Kumpulan Perkhidmatan :** Pengurusan dan Profesional
2. **Taraf Jawatan :** Kontrak
3. **Jumlah Kekosongan :** 1
4. **Jadual Gaji**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM2,250.00	RM11,110.00	RM225.00

5. **Imbuhan Tetap /Bantuan:**

- a) Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) : RM300.00
- b) Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) : RM 300.00
- c) Bantuan Sara Hidup (BSH) : RM 250.00

6. **Syarat Lantikan**

- i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - a) Warganegara Malaysia;
  - b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat

Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- ii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
(Gaji permulaan ialah pada Gred J9: RM2,690.00)

**7. Syarat Peningkatan Secara Lantikan:**

- i) Pegawai sedang berkhidmat dalam skim Penolong Jurutera Gred JA5, JA6, JA7 dan JA8 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - a) mempunyai kelayakan di perenggan 6;

**8. Deskripsi Tugas:**

- i) Bertanggungjawab merancang, mereka bentuk dan melaksanakan projek kejuruteraan mengikut spesifikasi, piawaian teknikal serta keperluan organisasi bagi memastikan hasil kerja yang berkualiti, selamat dan berkesan.
- ii) Menyelia pelaksanaan kerja di lapangan atau sistem teknikal, memantau kemajuan projek, menyelesaikan masalah teknikal serta memastikan penggunaan sumber dan kos adalah optimum.
- iii) Menyediakan laporan teknikal, lukisan dan dokumentasi projek serta bekerjasama dengan pelbagai pihak seperti kontraktor dan pasukan dalaman sambil melaksanakan arahan pegawai atasan dari semasa ke semasa.

- 9. Calon mestilah mempunyai perwatakan yang menarik, mempunyai daya kesabaran yang tinggi.

10. Tarikh Iklan dikeluarkan : **29hb April 2026 (Rabu)**  
Tarikh Tutup Permohonan : **07hb Mei 2026 (Khamis)**

11. **Peraturan Memohon**

- a) Borang permohonan jawatan boleh didapati di Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka, Dataran Pengkalan Rama, Pengkalan Rama Pantai, 75100 Melaka pada waktu pejabat dari jam 08.30 pagi hingga 05.00 petang.
- b) Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman web di alamat **[www.ppspm.gov.my](http://www.ppspm.gov.my)**
- c) Borang yang telah siap diisi hendaklah dihantar kepada

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
PERBADANAN PEMBANGUNAN SUNGAI DAN PANTAI MELAKA,  
DATARAN PENGKALAN RAMA,  
PENGKALAN RAMA PANTAI  
75100 MELAKA  
(Permohonan Jawatan)**

12. **Peraturan-Peraturan Lain**

- a) Permohonan dianggap tidak berjaya jika tidak dihubungi dalam tempoh 3 bulan
- b) Permohonan hendaklah dimajukan kepada Ketua Jabatan masing-masing jika pemohon sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan.
- c) Permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan akan ditolak